

# TATACARA EKSPORT BAHAN MENTAH DAN BAHAN PEMBUNGKUSAN YANG DIPEROLEHI DENGAN PENGECCUALIAN DUTI DAN CUKAI BAGI SYARIKAT GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB).

## 1. PENDAHULUAN.

- 1.1 GPB dilesenkan di bawah Seksyen 65 dan 65A Akta Kastam 1967 merupakan syarikat pengilang yang berorientasikan eksport. GPB menikmati kemudahan pengimportan atau pembelian bahan mentah, komponen serta bahan pembungkusan tanpa dikenakan duti / cukai.
- 1.2 Secara dasarnya, pengecualian duti dan cukai ke atas bahan mentah, komponen serta bahan pembungkusan ini adalah untuk digunakan secara langsung di dalam pengilangan bagi tujuan menghasilkan barang siap syarikat.
- 1.3 Walau bagaimanapun, terdapat permohonan untuk mengeksportnya dalam keadaan tertentu yang tidak dapat dielakkan disebabkan alasan-alasan yang wajar untuk pertimbangan selanjutnya.

## 2. TUJUAN.

Tatacara ini dikeluarkan untuk memberi panduan ke atas permohonan mengeksport bahan mentah dan bahan pembungkusan supaya ianya dapat diseragamkan pelaksanaannya di semua peringkat negeri.

## 3. SKOP.

- 3.1 Aktiviti eksport adalah melibatkan pergerakan barang daripada GPB ke;
  - a. Luar negara,
  - b. Zon bebas, atau
  - c. GPB yang lain.
- 3.2 Bahan mentah dan bahan pembungkusan yang boleh dipertimbangkan untuk dieksport adalah;
  - a. Sebagai alat ganti (*replacement part*),
  - b. Sebagai gantian dalam tempoh jaminan (*warranty part*),
  - c. Rosak (*defect*) untuk tujuan pelupusan atau dijual sebagai *second grade*,
  - d. Tidak mengikut spesifikasi ditetapkan,
  - e. Tidak lagi digunakan (berhenti mengilang, *expired / obsolete / end of life*),
  - f. Untuk pengujian (*testing and evaluation*),
  - g. Untuk dibaik pulih (*repair*),
  - h. Sebagai contoh produk (*production sample*), dan
  - i. Atas alasan lain yang munasabah kecuali melibatkan kes-kes Bahagian Penguatkuasaan.
- 3.3 Aktiviti eksport bagi tujuan *trading* dan pengelakan *trade barrier* adalah tidak dibenarkan.

#### **4. PELAKSANAAN**

- 4.1 Permohonan hendaklah dimajukan kepada stesen kastam yang mengawal syarikat dengan mengemukakan dokumen seperti berikut;
  - a. Surat permohonan (*covering letter*).
  - b. Senarai barang yang akan dieksport sebagaimana Lampiran 1.
  - c. Dokumen sokongan yang berkaitan.
- 4.2 Kuantiti yang boleh dipertimbangkan untuk dieksport adalah berdasarkan anggaran kuantiti (*estimated quantity*) yang dipohon sebagaimana dinyatakan di dalam dokumen sokongan. Contoh dokumen sokongan adalah seperti;
  - a. Perjanjian dengan syarikat yang bertanggungjawab dalam aktiviti membaik pulih (*Sales and service contract*)
  - b. *Quality report / defect report*,
  - c. *Product Specification report*,
- 4.3 Tempoh kelulusan untuk eksport adalah tidak melebihi enam (6) bulan. Selepas tamat tempoh kelulusan berkenaan, walaupun kuantiti diluluskan masih belum dieksport sepenuhnya permohonan baharu hendaklah dikemukakan sekiranya berkenaan.

#### **5. TANGGUNGJAWAB GPB**

- 5.1 Maklumat bahan mentah dan bahan pembungkusan yang telah dieksport hendaklah direkodkan di dalam Lampiran M1 (Penyata Bulanan Bahan Mentah / Komponen) pada ruangan 10 bagi tujuan penolakan dengan kuantiti yang telah diluluskan.
- 5.2 Bahan mentah dan bahan pembungkusan yang tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017, permit hendaklah disertakan.
- 5.3 Bahan mentah dan bahan pembungkusan yang tertakluk kepada duti kastam hendaklah dijelaskan semasa pelepasan eksport dilakukan.
- 5.4 Pemohon dikehendaki menyimpan rekod pergerakan barang serta dokumen sokongan, kelulusan dan ikrar eksport untuk tujuan semakan kastam.
- 5.5 GPB adalah bertanggungjawab ke atas bahan mentah dan bahan pembungkusan yang telah diluluskan untuk eksport yang tidak dapat diakaunkan. Duti dan cukai terlibat hendaklah dijelaskan (jika berkenaan).
- 5.6 Mematuhi syarat-syarat kelulusan dan lain-lain ketetapan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

#### **6. TARIKH KUATKUASA**

Tatacara ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

**SENARAI BAHAN MENTAH / BAHAN PEMBUNGKUSAN YANG AKAN DIEKSPORT**  
*LIST OF RAW MATERIAL / PACKAGING MATERIAL TO BE EXPORTED*

Nama Syarikat (*company name*) : \_\_\_\_\_  
 Alamat (*address*) : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

No. Lesen GPB (*LMW license no.*) : \_\_\_\_\_  
 Tempoh Kelulusan (*approval period*) : \_\_\_\_\_

Bil. (No.)	Perihal Barang (Particular of good)	Kod Tarif (Tariff code)	Kuantiti (Quantity)	Konsaini (Consignee)	Tujuan eksport (Reason for export)

Saya mengaku bahawa semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah betul. Sebarang penipuan boleh mengakibatkan tindakan perundangan dikenakan ke atas saya.  
*(I acknowledge that all of the information and documents submitted are correct. Any fraudulence may result in legal action being taken against me)*

Tandatangan (*Signature*) : \_\_\_\_\_  
 Nama (*Name*) : \_\_\_\_\_  
 Jawatan (*Designation*) : \_\_\_\_\_  
 Chop Syarikat  
 \_\_\_\_\_  
 (*Company's stamp*)

**Untuk kegunaan rasmi JKDM (*For RMCD's official use*)**

Permohonan ( <i>The application</i> )	Diluluskan ( <i>approved</i> )	Tidak diluluskan ( <i>not approve</i> )
Tempoh kelulusan ( <i>approval period</i> )		
Nama ( <i>Name</i> )		
Jawatan ( <i>Designation</i> )		
Tandatangan ( <i>Signature</i> )		